

07/03/2003

Tiada rombakan Perhubungan Umno Terengganu

MARANG: Badan Perhubungan Umno Terengganu tidak akan membuat sebarang rombakan jawatan penting kerana semuanya berada dalam keadaan baik, kata Pengerusinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau yang juga Timbalan Presiden Umno berkata, keadaan itu dapat dilihat daripada kepimpinan peringkat negeri sekarang.

"Tengok (Timbalan Pengerusi) Datuk Idris (Jusoh) boleh senyum ketawa. Kalau tidak baik, masam muka memanjang," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan English On Wheels (EOW) peringkat kebangsaan anjuran Puteri Umno di Kompleks Latihan Telekom, Medan Jaya, di sini, semalam.

Rombakan badan perhubungan Umno negeri mula diperkatakan selepas Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam lawatan kerja ke Kelantan Januari lalu, mengumumkan rombakan di negeri itu.

Susulan pengumuman rombakan itu, Abdullah dilaporkan berkata lebih banyak badan perhubungan Umno negeri dijangka membuat rombakan bagi mempertingkatkan kekuatan parti dan Barisan Nasional (BN) menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata, sebagai parti dominan dalam BN, usaha mengukuhkan parti seharusnya menjadi matlamat Umno bagi menghadapi pilihan raya.